

## PEMBANGUNAN INDUSTRI KELAPA

### I. LATARBELAKANG PROJEK.

1. Industri kelapa masih merupakan industri penting kepada negara kerana ia menyumbang kepada sosioekonomi negara khususnya dalam pembasmian kemiskinan dikalangan pekebun kecil kelapa. Disamping itu industri kelapa penting untuk memenuhi keperluan industri kelapa segar dan pemprosesan negara disamping berkeupayaan menjana sumber –sumber pertumbuhan baru seperti industri VCO.
2. Pada tahun 2007, Malaysia mempunyai kira-kira 109,185 hektar kelapa melibatkan 80,000 keluarga tani yang menghasilkan lebih kurang 382 juta biji berdasarkan kepada hasil purata kelapa sebanyak 3,500 biji/hektar/tahun. Sebahagian besar dari varieti yang ditanam adalah dari jenis tradisional seperti *Malayan Tall* (92%), manakala bakinya adalah dari jenis hibrid komersil seperti MATAG (5%), pandan (2%) dan MAWA (1%). Dianggarkan 61% dari keluasan kelapa Malaysia terletak di Semenanjung Malaysia. Kawasan utama tanaman kelapa adalah Hilir Perak, Sabak Bernam, Samarahan, Batu Pahat, Kudat dan Tawau.
3. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh industri kelapa negara pada masa kini ialah
  - (i) Hasil yang rendah disebabkan pokok-pokok yang telah tua.
  - (ii) Pendapatan pekebun kecil kelapa kurang RM 500/bulan (purata RM 419/bulan) yang berada dibawah paras kemiskinan Semenanjung RM661/bulan (2004).
  - (iii) Pengeluaran kelapa negara masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan kelapa segar dan industri pemprosesan negara.
4. Industri kelapa masih memainkan peranan penting dalam perdagangan negara. Pada tahun 2006, Malaysia telah mengeksport kelapa dan produk kelapa bernilai RM466,210,137 manakala import kelapa dan produk kelapa bernilai RM429,139,342 memberikan lebihan imbalan dagangan sebanyak RM37.1 juta berbanding defisit imbalan dagangan tahun 2005 berjumlah RM32.7 juta. Sebahagian besar daripada eksport terdiri daripada minyak kelapa dan produk-produk kelapa seperti karbon teraktif, kelapa parut kering dan santan/serbuk santan manakala import utama terdiri daripada minyak kelapa, karbon teraktif, kopra dan kelapa segar .

5. Objektif projek Pembangunan Industri Kelapa ini ialah untuk;
- (i) Meningkatkan pendapatan pekebun kecil kelapa kepada RM 1,000/bulan .
  - (ii) Meningkatkan hasil kelapa kepada 22,000 biji/ha/tahun melalui penanaman semula dengan jenis hibrid dan pandan.
  - (iii) Meningkatkan hasil kelapa dikawasan sedia ada dari 3,500 biji/ha/tahun kepada 7,000 biji/ha/tahun melalui aktiviti pemulihan.
  - (iv) Meningkatkan pengeluaran dan bekalan benih kelapa hibrid dan kelapa pandan .
  - (v) Memenuhi keperluan kelapa segar dan industri serta mengujudkan peluang aktiviti perniagaan sepanjang rantaian nilai .

## **II. PENJELASAN MENGENAI PROJEK.**

6. Berdasarkan cabaran-cabaran yang dihadapi, usaha untuk memulihkan industri kelapa negara perlu diteruskan dengan strategi meningkatkan produktiviti supaya pendapatan pekebun kecil turut meningkat dan bekalan kelapa negara bertambah bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan dan eksport. Projek ini akan dilaksanakan melalui 2 sub-projek utama iaitu;

### **i) Pemulihan Kelapa.**

7. Sub-projek ini bertujuan untuk memulihkan kawasan-kawasan kelapa sedia ada yang masih produktif supaya hasil dapat ditingkatkan dari 3,500 biji/ha/tahun kepada 7,000 biji/ha/tahun. Bantuan pada kadar RM5,500/ha untuk tempoh selama tiga (3) tahun bagi membiayai kemudahan input untuk tanaman kelapa dan tanaman integrasi, pembaikan saluran, penjarangan dan sulaman pokok-pokok tua. Pecahan peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut :

- i. Tahun Pertama : Bantuan pada kadar RM 2,500/ha untuk pembaikan infrastruktur (penyelenggaraan sistem perparitan/pagar) input-input pertanian serta sulaman/integrasi dgn tanaman lain.*

- ii. *Tahun kedua : Bantuan pada kadar RM 1,500/ha untuk input pertanian (baja, racun serangga , racun rumpai dan peralatan) serta input integrasi.*
  - iii. *Tahun ketiga : Bantuan pada kadar RM 1,500/ha untuk input pertanian (baja, racun serangga, racun rumpai dan peralatan) serta input integrasi.*
8. Bagi tujuan bajet ini, pembiayaan akan ditumpukan kepada pembangunan pemulihan kawasan kelapa tahun kedua seluas 1000 ha yang akan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.5 juta..

**ii) Pemerhatian /Promosi Teknologi Kelapa**

9. Sub-Projek Pemerhatian Teknologi bertujuan untuk menilai teknologi-teknologi terbaru berkaitan tanaman kelapa yang akan dilaksanakan di Pusat-Pusat Pertanian. Sub-Projek Promosi Teknologi Kelapa pula bertujuan untuk menyalurkan teknologi-teknologi baru yang disyorkan supaya petani dan usahawan dapat mengamalkannya untuk meningkatkan pendapatan. Suprojek ini akan dilaksanakan di ladang petani yang terpilih supaya ia menjadi petak contoh kepada petani-petani sekitar. Kadar bantuan tidak melebihi RM 20,000/ha akan disediakan bagi membiayai kerja-kerja pembersihan kawasan, pembinaan parit, bekalan input dan bahan-bahan tanaman serta kos tenaga.
- i. Tahun pertama : Bantuan pada kadar RM 12,300/ha untuk membiayai aktiviti penebangan/pembersihan kawasan, membina sistem perparitan, menambak tanah antara dua parit(cambering), pagar, jalan ladang, input tanaman(cambering), pagar, jalan ladang, input tanaman kelapa/perusahaan integrasi, serta kos tenaga. (Infra =RM 7,000/ha, benih dan input dan kos tenaga= RM5,300/ha)
  - ii. Tahun kedua : Bantuan pada kadar RM 2,800/ha untuk benih(sulaman), baja, racun serangga , racun rumpai dan kos tenaga
  - iii. Tahun ketiga : Bantuan pada kadar RM 2,600/ha untuk baja racun serangga , racun rumpai dan kos tenaga
  - iv. Tahun keempat : Bantuan pada kadar RM 2,300/ha untuk baja, racun serangga , racun rumpai dan kos tenaga

